

Pemanduan wanita dipertikai

Faktor lembap atau berhati-hati?

Berbicara soal pemanduan kenderaan, lelaki sering 'diangkat' tarafnya sebagai cekap dan hebat, sebaliknya wanita dikatakan 'lembap' dan 'terhegeh-hegeh'. Namun, stigma terhadap golongan Hawa ini tidak pernah diiringi dengan bukti kukuh. Adakah betul mereka betul-betul lembap atau mengambil langkah berhati-hati biarpun menimbulkan kemarahan pemandu lain ketika di jalan raya? Mengupas isu ini, wartawan Laporan Khas, Diana Surya Abd Wahab dan NurHazah Ibrahim, menemu bual beberapa pihak.



Sinar 4/4/2011 ms 16/17.

Kemalangan jalan raya tidak mengira jantina

Perbezaan sikap p

PERATURAN ketat oleh pihak berkuasa kepada pemilik lesen tidak menjamin keselamatan di jalan raya, namun perbezaan sikap antara pemandu nyata mencetuskan kemalangan.

Pengurus Sekolah Memandu Rahman di Shah Alam, Abdul Razak Abdul Rahman, 26, tidak menolak kenyataan berani YB Kinabatangan, Datuk Bung Mokhtar itu ada benarnya namun merujuk kepada pemanduan berbahaya ini bukan sahaja datang daripada wanita, lelaki juga tidak terkecuali.

"Dalam proses memandu ini, peraturan menjadi nombor dua untuk dipatuhi, ini kerana sikap yang ada dalam diri lebih digunakan pemandu sama ada dalam bentuk berbahaya, berhati-hati, lembap, berlagak, terlebih

ISU wanita dan kereta menjadi topik hangat selepas Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Mokhtar Radin menyuarakan perasaan kurang senang dengan cara golongan Hawa ini memandu kenderaan yang boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya lain.

Susulan kenyataan berani itu pelbagai bidasan dan ulasan 'dikembalikan' kepada Bung Mokhtar oleh pelbagai pihak, baik kalangan menteri, artis sehinggalah kepada orang awam.

Tanpa diduga, kenyataan itu menjadi kontroversi terutamanya golongan yang dipersalahkan hanya kerana segelintir bersikap sedemikian.

Tidak perlu untuk mempersalahkan sesiapa, baik si pengadu mahupun yang dipersalahkan, sedikit sebanyak topik berkenaan amat menarik untuk diketengahkan sekali gus

mampu membuka mata orang ramai tentang pemanduan.

Pendek kata, selama ini kita hanya bercakap tentang apa yang dilihat, 'timbulnya' isu itu dapat dimantapkan dengan fakta pelbagai pihak yang tampil bagi menegakkan mahupun mematahkan kenyataan berkenaan.

Tidak mahu memihak kepada sesiapa, kenyataan yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (Miros) secara terang-terangan mengatakan kedudukan keselamatan jalan raya kita kini berada di tahap membimbangkan.

Sebagai penggiat keselamatan jalan raya, pelbagai kempen dan advokasi dijalankan bersama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan agensi lain, sering tidak mendapat sebarang perhatian. Pengabaian undang-undang jalan raya terus berlaku dan akibatnya bilangan nahas jalan raya terus

meningkat.

Selain peraturan jalan raya yang perlu dipatuhi, etika pemanduan juga amat penting semasa memandu. Usah hanya memikirkan diri sendiri kerana dalam pemanduan kerjasama dan tolak ansur amat diperlukan baik lelaki mahupun wanita.

Persepsi ini serupa dengan keadaan apabila kita melihat seorang wanita merokok. Kita merasakan bilangan wanita merokok bertambah, tetapi hairannya persepsi ini tidak sama sekiranya kita melihat banyak lelaki merokok.

Oleh itu, pertambahan pemandu wanita di jalan raya menyebabkan mereka ini sering menjadi perhatian. Maka sekiranya terdapat kesilapan yang dilakukan oleh wanita ketika di jalan raya, pemandu lain (terutamanya lelaki) akan terus memberi perhatian.

Jadi persoalan sama ada pemanduan wanita berbahaya, lembap atau terlalu berhati-hati, ini ada jalan penyelesaiannya jika sama-sama memandang serius isu ini.

Dari segi pemerhatian team Laporan Khas, kebanyakan pemandu wanita ini kurang yakin apabila memandu kerana diburu perasaan akan dilanggar kenderaan lain atau risau sesuatu perkara akan berlaku.

Namun ini tidak bermakna cara pemanduan mereka itu berbahaya, jelas juga dilihat di dada akhbar kebanyakan kes kemalangan jalan raya dipaparkan datangnya daripada golongan lelaki berbanding wanita.

Jadi, kemalangan jalan raya umumnya adalah berpunca daripada sikap agresif pemandu itu sendiri dan bukanlah menuding jari kepada mana-mana jantina.

pandai dan sebagainya di atas jalan raya," katanya.

Bagi tenaga pengajar terutama di sekolah memandu, penerapan pembelajaran dengan peraturan cukup mantap dengan garis panduan daripada pihak berkuasa diberikan kepada pelajar, namun kebanyakan hanya setakat mengambil ujian sahaja.

"Jika diambil kira daripada pengalaman mengajar, sudah dilihat perbezaan sikap sememangnya amat ketara, di antara pemandu wanita mahupun lelaki. Sejak belajar lagi segelintir daripada pemandu wanita agak takut dan begitu cermat dalam proses pembelajaran.

"Tidak menolak kemungkinan sesudah memperoleh lesen mereka ini kebanyakannya berjaya mengelak kemalangan kerana terlalu berhati-hati. Namun dengan cara ini turut membahayakan pemandu lain.

Keupayaan wanita kurang aspek spatial: Ahmad Farhan

APAKAH benar golongan wanita kini lebih agresif di jalan raya?

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (Miros), Profesor Dr Ahmad Farhan Mohd Abdullah berkata, pertambahan pemandu wanita di jalan raya menyebabkan golongan berkenaan sering menjadi perhatian.

"Ya sama sahaja berlaku apabila kita melihat seorang penunggang membawa motosikalnya dengan berbahaya, dan kita sering menyangka golongan berkenaan juga begitu sedangkan hanya minoriti yang berkelakuan demikian.

"Kajian menunjukkan, lelaki dan wanita mempunyai ciri-ciri

berbeza yang mempengaruhi cara pemanduan masing-masing," katanya.

Kajian itu turut mengaitkan peningkatan bilangan pemandu wanita menjadi agresif. Malah, terdapat juga kajian yang mengaitkan risiko di jalan raya dengan ciri naluri wanita yang berkeupayaan untuk menjalankan pelbagai tugas dalam satu ketika.

Mengulas lanjut, Ahmad Farhan berkata ketika memandu seorang wanita juga akan memikirkan beberapa perkara, tetapi memandangkan pemanduan memerlukan gandingan aksi dan reaksi, ada kalanya, sesetengah wanita akan melakukan kesilapan.

Katanya, mungkin situasi sedemikian yang telah diperhatikan oleh Bung Mokhtar.

Bukan itu sahaja, katanya terdapat kajian yang mengesahkan bahawa wanita mempunyai keupayaan yang kurang berbanding lelaki dari aspek keupayaan spatial (ruang dan jarak).

"Ini mengakibatkan wanita lebih berhati-hati terhadap pergerakan yang memerlukan keputusan berasaskan jarak, seperti memasuki atau melintasi persimpangan yang tidak berlampu isyarat, memotong dan juga untuk meletak kereta.

"Tidak ada masalah untuk berhati-hati tetapi dalam situasi

sebegini, tindakan yang teragak-agak, ataupun melulu boleh menimbulkan risiko," katanya.

Bagaimanapun keupayaan bagi golongan lelaki adalah berlainan di mana mereka mempunyai keupayaan psikomotor (kemahiran) yang lebih tinggi berbanding wanita.

Katanya, keupayaan itu menjadikan lelaki berkeyakinan dan sering kali juga terlebih yakin sehinggakan ada antara mereka sering mengambil risiko dengan memandu laju dan berbahaya.

Oleh itu, Ahmad Farhan menyimpulkan bahawa risiko di jalan raya tetap wujud tanpa mengira jantina, tetapi siapa yang mengakibatkan kemalangan tidak

dapat dikenal pasti melalui data yang ada. Bagaimanapun, keselamatan jalan raya adalah mengenai tindakan.

"Melalui keupayaan kita sebagai pengguna jalan raya mampu untuk mengurus risiko ini dan diganding dengan kompetensi untuk mengguna jalan raya, kemahiran pemanduan serta tabiat yang mengutamakan keselamatan, kita semua boleh mengurangkan risiko di jalan raya," katanya.



Pemandu main faktor penting



● Pembelajaran di sekolah memandu semakin diperketatkan agar dapat mengelakkan kemalangan. (Gambar hiasan)

"Sebaliknya juga pemandu lelaki biasanya mula berlagak sekiranya sudah boleh memandu kerana kecekapan mereka mula gopoh dan ingin tunjuk pandai kepada pemandu lain, sikap ini bukan sahaja dapat dilihat sejak mula belajar malah hingga sudah mendapat lesen penuh masih sama. "Namun, sesetengah kemalangan kecil berlaku pada pemandu lelaki kerana kebiasaannya, yang berani inilah sering terlibat dalam kemalangan jalan raya," katanya ketika ditemui Sinar Harian.

Kemalangan jalan raya tidak

mereka yang ingin mengambil ujian memandu.

Razak turut menyatakan perubahan sikap amat perlu bagi setiap golongan dalam pemanduan mereka.

"Dalam perkara ini pihak berkuasa jauh sekali tidak harus dipersalahkan, ini kerana sistem pembelajaran dari dulu hingga sekarang sememangnya banyak berubah dan lebih diperketat bagi membentuk pemandu yang dapat mengurangkan kes kemalangan jalan raya yang semakin meningkat, "Namun semuanya tidak

mendatangkan hasil

Perbezaan pemandu wanita dan lelaki

TERBARU, perbincangan antara pemanduan wanita dan lelaki mula diperkatakan kembali. Pelbagai jawapan diperoleh, ada yang menyokong wanita dengan menyatakan pemandu lebih baik dan tidak terkecuali menyokong lelaki dengan kecekapan mereka. Berikut merupakan senarai beberapa perbezaan antara pemandu wanita dan lelaki di Malaysia yang dilihat secara rambang.

Pemandu Wanita

1. Pemanduan yang terlalu berhati-hati.
2. Lembap dan memandu dengan terlalu perlahan.
3. Mengikut peraturan.
4. Tidak tahu mengenai kereta yang digunakan, hanya menggunakan sahaja.
5. Tidak pandai menjaga kenderaan dan sering mengalami kerosakan.
6. Gemar menghias kereta dan kadangkala keterlaluan.
7. Gemar meletakkan segala benda dalam kereta dan dijadikan seperti rumah kedua.

Pemandu Lelaki

1. Kurang sabar, namun cekap dalam pengendalian kenderaan.
2. Suka membunyikan hon jika tidak puas hati dengan sesuatu



● Perbezaan sikap antara pemandu lelaki dan wanita. (Gambar hiasan)

Terlalu seksis dan jahil

PENGARAH Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Ivy Josiah menyifatkan, kenyataan yang dikeluarkan Ahli Parlimen Kinabatangan itu sebagai satu yang seksis dan jahil.

Malah katanya, ia bukanlah pertama kali beliau melakukan sedemikian kerana pada 2007 Bung Mokhtar pernah mengeluarkan kenyataan yang menunjukkan diskriminasi terhadap wanita.

"Dakwaan itu menunjukkan beliau tidak menghormati wanita dan sesuatu yang tidak boleh diterima, seolah-olah beliau tidak tahu akan keadaan sebenar.

"Kejadian pemanduan di Barat

TINJAUAN



“Perempuan kalau bawa kereta terlebih gugup dan berhati-hati. Bila nak tukar laluan, teragak-agak nak masuk walaupun pemandu lain dah beri laluan dan ada ruang besar, inilah yang boleh sebabkan kemalangan.”
- Kamarul Anuar, 28, Kakitangan Kerajaan



“Tidak berapa tepat, kalau lelaki tiada skill memandu yang cekap sama saja turut akan membahayakan pemandu lain. Apa yang penting, setiap pemandu mesti bertanggungjawab terhadap

boleh disalahkan pada mana-mana pihak. Sebagai pemandu perlu pandai membaca cara pemanduan orang lain sama ada kereta di hadapan mahu pun di belakang.

Jadi, sikap pemandu itu sendiri perlu berhati-hati dan bertolak-ansur bagi mengelakkan kemalangan terus berlaku.

Tidak ada siapa inginkan kemalangan, apa yang boleh dielak harus dielak dan tidak mementingkan diri ketika memandu. Ini semua telah diajar dalam kursus bagi

mendatangkan hasil sekiranya sikap peribadi seseorang pemandu itu tidak berubah di atas jalan raya," katanya.



3. Panas baran ketika memandu.
4. Tidak suka mengikut peraturan, kadangkala tali pinggang keledar pun tidak digunakan.
5. Sentiasa melabelkan pemandu wanita lembap dan menyosahkan di jalan raya sedangkan kadang kala kemalangan yang terjadi adalah berpunca daripada kaum lelaki juga.
6. Menganggap kereta umpama 'isteri' dan sanggup berhabis.
7. Menjaga kereta sebaik mungkin.

Lelaki 2.5 kali lebih berisiko terbabit nahas jalan raya

BERDASARKAN statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dianalisis oleh Miros mungkin boleh memberikan lebih penerangan mengenai situasi yang sedang hangat diperkatakan.

Tahun 2009, bilangan nahas jalan raya melibatkan pemandu lelaki adalah 2.4 kali lebih banyak dari pemandu wanita. Jika diambil kira bilangan penduduk, lelaki mempunyai kadar nahas jalan raya sebanyak 1,351.74 bagi setiap 100,000 penduduk lelaki, berbanding 537.97 kemalangan melibatkan pemandu wanita bagi setiap 100,000 penduduk wanita di Malaysia.

Dari statistik berkenaan, lelaki adalah 2.5 kali lebih berisiko berbanding wanita.

	2006	2007	2008	2009
Lelaki	145,502	161,763	190,788	244,336
Wanita	52,167	60,079	73,241	103,153

Sumber: PDRM dan analisis oleh Miros

Bagaimanapun, analisis yang lebih terperinci memberi beberapa dapatan menarik. Sekiranya dilihat trend penglibatan pemandu lelaki dan wanita dalam nahas jalan raya pada 2009 berbanding 2006, didapati bahawa kaum wanita menunjukkan trend peningkatan yang kurang sihat.

Jumlah pemandu wanita yang terlibat dalam kemalangan telah bertambah dari 26.40 peratus

berbanding lelaki (73.60 peratus) pada 2006, dan telah meningkat ke 29.69 peratus pada 2009.

Dari segi bilangan sebenar, pemandu lelaki yang terlibat dengan kemalangan telah meningkat sebanyak 67.93 peratus jika dibandingkan 2009 dengan 2006. Untuk kaum wanita pula, bilangannya telah meningkat hampir dua kali ganda, sebanyak 97.74 peratus bagi tempoh yang sama.

"Kajian pemandu di Barat mahupun Malaysia sendiri mengatakan pemandu lelaki sering melanggar peraturan di jalan raya dan bilangan lelaki yang maut akibatkan kemalangan adalah lebih tinggi berbanding wanita," katanya ketika dihubungi Laporan Khas.

Selain itu Ivy berpendapat, kenyataan berkenaan sama seperti kenyataan stereotaip yang menganggap wanita lemah, tidak boleh berfikir dengan pantas, tidak boleh kendalikan mesin dan menjadi pemimpin adalah sesuatu yang lapuk dan tidak boleh diterima pakai.

Katanya, sebagai Ahli Parlimen isu kecil sedemikian tidak perlu dibangkitkan, seharusnya beliau perlu membangkitkan dan mendebatkan isu lebih ilmiah.



Setiap pemandu mesti bertanggungjawab terhadap keselamatan dirinya dan orang lain."

- Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz, 28, Kakitangan Swasta



Pemandu wanita kurang waspada dan tidak yakin untuk memintas kenderaan lain, sekiranya tidak yakin kekalkan di laluan sendiri, biar lambat asal selamat."

- Ahmad Kamal Alias, 27, Juruteknik



Memanglah kadangkala wanita terlalu berhati-hati sehingga menyebabkan kemarahan pengguna lain, bagaimanapun ada juga pemandu lelaki terlalu mementingkan diri, enggan memberi laluan."

- Norulfaida Md Piah, 40, Eksekutif Perancang Bandar